

Masih Relevankah Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan?

Beberapa ketika dahulu kita telah dikejutkan dengan cadangan kerajaan negeri Sarawak mahu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan rasmi dalam segala urusan kerajaan di negeri berkenaan. Hal yang sedemikian ini pastinya akan menyebabkan kebanyakan kita menjadi tertanya-tanya, apakah negeri Sarawak sudah tidak lagi bernaung di bawah panji-panji kerajaan Malaysia? Logiknya kalau Sarawak masih bernaung di bawah panji-panji kerajaan Malaysia, maka usaha negeri itu menukarkan bahasa perantaraan rasminya dalam segala urusan kerajaan negeri tentu sahaja menjadi tidak wajar kerana hal yang sedemikian bakal menjejaskan proses penyatuan rakyat dan pembinaan negara bangsa yang sedang diusahakan oleh kerajaan Persekutuan.

Tidak kiralah atas alasan apa-apa sekalipun, cadangan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar rasmi kerajaan itu seharusnya tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya kerana perkara berkaitan bahasa merupakan isu nasional, bukan bidang kuasa negeri, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152, bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kita bimbang pendekatan yang cuba dilakukan oleh kerajaan Sarawak itu boleh menimbulkan satu bentuk disintegrasi atau keadaan yang menjejaskan penyatuan, malah mungkin selepas ini akan ada pula negeri lain yang bercadang untuk melakukan perubahan bahasa perantaraan rasmi dalam segala urusan kerajaan negeri mereka, seperti yang telah dilakukan oleh Sarawak ini. Dan akhirnya nanti, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang telah menyatakan dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan merupakan bahasa Melayu itu terpaksa dipinda untuk memberikan laluan kepada negeri yang berhasrat mahu menjadikan bahasa rasmi di negeri-negeri berkenaan lain daripada bahasa Melayu. Dalam hal ini, rasanya sudah tiba masanya kerajaan Persekutuan bertegas, memandangkan tidak ada peruntukan untuk melaksanakan perkara ini sebagai subjek di bawah kuasa negeri.

Sebagai rakyat Malaysia yang mencintai bahasa kebangsaannya, setiap kita seharusnya berasa takut dengan kecenderungan melampau yang sedang melanda golongan elit berbahasa Inggeris di Malaysia, yang sejak kebelakangan ini dilihat cuba menjahanamkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan secara diam-diam. Sedihnya, mereka ini termasuk

sama kalangan pemimpin Melayu dalam kerajaan yang dilihat sedang berusaha untuk memberikan peranan atau taraf yang berbeza antara bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris (BI) yang mereka rasakan perlu selaras dengan proses pembangunan negara.

Malah, lebih menakutkan apabila seorang menteri Melayu dengan lantang telah membuat kenyataan yang cukup mengelirukan terhadap nilai dan fungsi bahasa Melayu di negara ini serta mengeluarkan tuduhan terhadap orang yang cuba mempertahankan kedudukan bahasa Melayu selaku bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara sebagai *cauvinis*.

Golongan inilah sebenarnya yang selama ini telah menjadi penghalang kepada usaha kerajaan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara apabila mereka sering menguar-uarkan bahawa bahasa Inggeris harus menjadi bahasa penting sebagai bahasa kemajuan jika Malaysia benar-benar mahu menjadi sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, industri dan teknologi melalui slogan *Master English or the nation will lose out*. Golongan ini jugalah yang dilihat sering meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dua sahaja yang cuma layak dianggap penting sebagai bahasa perpaduan dan bahasa rasmi negara sahaja. Selainnya diserahkan terus kepada bahasa asing yang mereka fikir lebih relevan penggunaannya. Hasilnya, secara sadar atau tidak, kita sudah dapat melihat kesannya selepas tahun 1990, apabila

akhirnya kerajaan seolah-olah membiarkan sahaja berlakunya dua jenis dasar bahasa di negara ini. Satu, dasar yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan negara yang diserahkan sepenuhnya kepada pihak swasta. Manakala yang satu lagi dasar memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan, diambil alih oleh kerajaan. Hal yang sedemikian itu pun masih tidak menyeluruh, kerana dalam urusan rasmi kerajaan itu pun masih ada pemimpin kita yang terbahawa-bawa

Dalam hal ini, rasanya sudah tiba masanya kerajaan Persekutuan bertegas, memandangkan tidak ada peruntukan untuk melarikan perkara ini sebagai subjek di bawah kuasa negeri.

dengan gaya keinggerisannya. Rasa malu kerana tidak mampu menguasai bahasa Inggeris telah menjadikan ramai pemimpin kita sudah tidak keruan lagi. Ada antara mereka yang tidak petah pun berbahasa Inggeris, namun kerana malu dianggap tidak mampu menguasai bahasa Inggeris, ada antara mereka yang sanggup mencampuradukkan bahasa sehingga menjadikannya bahasa rojak.

Hal yang sedemikian ini bukan sahaja amat mengelirukan tetapi juga amat menjengkelkan. Ramai rakyat Malaysia lupa untuk



membetulkan bahasa sendiri berbanding mempersiapkan diri untuk mempelajari bahasa asing. Sedihnya kerana terlalu memikirkan nilai bahasa asing itu sahaja yang wajar menjadi sebagai bahasa kemajuan, akhirnya hal yang sedemikian itu telah mengatasi usaha memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri, sehingga kebanyakan pelajar dan ibu bapa nampaknya akan lebih tertarik untuk mendapat diploma dan ijazah mereka daripada maktab dan universiti swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utamanya untuk melayani pasaran kerja yang lebih didominasi oleh sektor swasta. Hal yang pasti, para siswazah yang keluar dari institusi pengajian tinggi awam sering menjadi anak tiri di negara sendiri. Akibatnya, terdapatlah dua dasar bahasa di negara ini yang dibezakan oleh sektor kegiatan. Bahasa di sektor kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam

urusannya, dan bahasa sektor swasta yang menggunakan bahasa-bahasa lain, terutama BI, sebagai bahasa utamanya.


Keterpinggiran bahasa Melayu dalam sektor swasta nampaknya akan terus berlanjutan memandangkan jumlah agensi kerajaan dan kemudahan awam yang telah diswastakan. Jika keadaan ini tidak dikawal, kita jangan, berasa hairan kalau penggunaan bahasa Melayu dalam urusan-urusan tertentu dalam sektor awam sendiri pun akan turut merosot dan akan digantikan oleh bahasa Inggeris. Malah kemunculan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang puluhan jumlahnya di Malaysia juga sedikit sebanyak telah merencatkan lagi usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kita tidak nafikan IPTS memang berkemampuan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang standing, bahkan lebih baik berbanding dengan IPTA untuk memastikan

pembelajaran yang lancar kerana kedudukan kewangan mereka yang kukuh. Namun, sejauh manakah IPTS ini berupaya membantu untuk memantapkan lagi sistem pembelajaran mereka dalam bahasa kebangsaan? Secara jujurnya hal yang sedemikian ini harus dinilai semula. Kita memang sedar, kebanyakan pelajar yang memasuki IPTS bukan sahaja kerana penawaran lebih banyak kursus yang berorientasikan keperluan pekerjaan yang lebih peka kepada kehendak pelajar dan masyarakat, tetapi juga disebabkan oleh gejala globalisasi yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris yang memang berleluasa dalam sektor swasta dan tidak pernah tergugat atau digugat kedudukannya. Inilah kelemahan sistem pendidikan di Malaysia kerana tidak mampu mengawal cabaran-cabaran dalam usaha meningkatkan aksesibiliti pendidikan tinggi di negara ini.

Kewujudan golongan "Inggerisofili" yang muncul

Soalnya, masih relevankah bahasa Melayu untuk terus menjadi bahasa kebangsaan negara kalau sudah semakin ramai rakyat Malaysia tidak mahu lagi menyokong rancangan pembinaan kecemerlangan bahasa Melayu itu sendiri?

dengan nostalgia mereka yang amat tebal terhadap bahasa Inggeris, dan ditambah pula oleh tanggapan yang salah oleh masyarakat kita tentang kemampuan bahasa Malaysia sebagai bahasa kemajuan negara ini, akhirnya tanpa disedari bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sebagai bahasa pengantar pendidikan terus tergugat. Semuanya tentu sahaja berpunca daripada sikap orang Melayu itu sendiri kerana orang Melayulah yang telah bersungguh-sungguh meminggirkan bahasa Melayu daripada rancangan pembangunan. Para pemimpin Melayu juga dilihat sudah tidak punya jati diri lagi untuk mempertahankan kedudukan bahasa Melayu dalam agenda pembangunan negara. Kita tidak boleh terlalu mengharap Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja untuk memainkan peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan tugas



yang diamanahkan kepadanya, telah pun melakukan pelbagai usaha, termasuk menyediakan sebegitu banyak istilah dalam pelbagai bidang, termasuklah undang-undang, kejuruteraan, sains dan teknologi, ekonomi, perbankan, insurans dan sebagainya, tetapi rakyat Malaysia tetap tidak mempedulikannya. Berapa banyak buku istilah dan glosari dalam bahasa Malaysia yang mencakupi pelbagai bidang tersebut bertebaran di pasaran, namun apakan daya, sistem pembelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi masih lagi mahu berkiblatkan bahasa lain kerana mereka sudah tidak yakin dengan kemampuan bahasa sendiri.

Soalnya, masih relevankah bahasa Melayu untuk terus menjadi bahasa kebangsaan negara kalau sudah semakin ramai rakyat Malaysia tidak mahu lagi menyokong rancangan pembinaan

kecemerlangan bahasa Melayu itu sendiri? Kita janganlah berasa terkejut jika keadaan ini dibiarkan berterusan, bahasa kita akan terus tenggelam dalam arus kemajuan, bahasa kita akan terus mufli dalam bidang ilmu, teknologi, dan budaya serta akhirnya terkubur di negara sendiri menjelang 2020 nanti. Kemunculan program rintis *Dual-Language Programme (DLP)* dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris pada awal tahun ini sudah mula menampakkan senario ini. Ditambah pula kegilaan para ibu bapa mendidik anak mereka bertutur dalam bahasa Inggeris, yang kononnya jika tidak dikuasai bahasa asing itu mereka sukar mendapat pekerjaan, maka kebankrapan bahasa rakyat Malaysia terhadap bahasa kebangsaannya sendiri akan lebih cepat menjadi nyata. DB